

05 JUL 1996
Mahathir-FEER
KERAJAAN AKAN TERUS MEMBANTU SEKTOR SWASTA

Oleh: Tan Hock Guan

JOHOR BAHRU, 5 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan terus memberi bantuan kepada sektor swasta bagi memastikan mereka berjaya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kerajaan ini berdedikasi dalam memastikan kehidupan yang baik bagi rakyat Malaysia," kata beliau di majlis pelancaran projek "JB Waterfront City" di sini, yang bernilai RM6,000 juta.

"Kerajaan bersama sektor swasta telah membantu membangunkan negara ini."

Sementara mengkritik media asing khususnya majalah "The Far Eastern Economic Review (FEER)", Dr Mahathir berkata dengan menolong sektor swasta, "kita menolong kerajaan".

"Dan, dalam membantu kerajaan, kita sebenarnya membantu rakyat Malaysia," kata beliau lagi.

Pemaju utama projek JB Waterfront City itu ialah Johor Coastal Development Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Pilecon Engineering Bhd dengan pengerusi Eksekutifnya Ir Hong Lee Pee berkata di majlis pelancaran itu yang bantuan kerajaan telah menaikkan Pilecon ke platform lain dan yang lebih tinggi.

Ir Hong berkata Pilecon telah memulakan kegiatannya dengan kerja-kerja menanam cerucuk bernilai RM32 juta bagi tapak Kompleks Dayabumi di Kuala Lumpur dan menyiapkannya dalam masa enam bulan sahaja.

Syarikat itu akan didenda RM80,000 setiap hari jika lewat menyiapkan kerjanya dan bonus RM50,000 diberikan setiap hari jika ia menyiapkan kerjanya lebih awal dan Pilecon berjaya menyiapkan kerjanya dalam tempoh empat bulan untuk mendapat bonus berjumlah RM3 juta.

Dalam membidas FEER, Dr Mahathir berkata beliau pasti media asing kini akan menyatakan yang Ir Hong telah berjaya kerana beliau kawan Perdana Menteri.

"Mereka akan mengambil gambar-gambar untuk menunjukkan Ir Hong sangat rapat dengan saya dan berjaya kerana PM," kata beliau.

"Saya mempunyai beribu-ribu sahabat, ada yang begitu miskin."

Dr Mahathir berkata, beliau membantu mereka dengan keupayaan dan "jika mereka berjaya" negara juga berjaya kerana yang lain juga boleh mendapat manfaat daripada peluang-peluang dan pada akhirnya semuanya akan berjaya.

"Kita mahu mereka berjaya kerana ianya baik untuk negara. Saya mahu mengingatkan FEER apa yang ada pada kerajaan ialah 30 peratus saham dalam semua projek, tanpa melabur sebarang modal, dalam bentuk cukai atas keuntungan," kata beliau.

"Kerajaan Malaysia mungkin berbeza berbanding dengan kerajaan lain kerana kita berpendapat kepentingan sektor perniagaan juga kepentingan kita."

Beliau berkata, kerajaan mengutip lebih RM22,000 juta dalam bentuk cukai pada 1995 dengan sebahagian besar daripadanya cukai individu dan korporat.

Beliau berkata, yang miskin tidak membayar cukai "dan jika semua rakyat Malaysia miskin dan tidak dapat membayar cukai, negara tidak akan dapat dimajukan".

Dalam mengekalkan alam sekitar, Dr Mahathir berkata kerajaan pusat dan kerajaan negeri Johor mempunyai harapan membina sebuah jambatan dan bukannya tambak menyeberang Selat Tebrau.

Beliau berkata tambak yang ada mungkin dirobuhkan untuk membolehkan air

mengalir semula dan berbalik ke keadaan asalnya.

"Inilah harapan kita dan kita tidak tahu sama ada ia akan menjadi kenyataan tetapi tidak menjadi kesalahan untuk membuat persiapan bermula sekarang untuk membuka laluan perkapalan merentasi Selat Tebrau," kata beliau. -- BERNAMA

THG PR